

Kulit kerang bantu pertumbuhan tulang

Oleh ZAMZURINA AHMAD

zamzurina.ahmad@gmail.com

■ Kuantan 18 APRIL


PENYELIDIKAN selama dua bulan dalam menghasilkan bahan daripada kulit kerang bagi membantu pertumbuhan tulang secara semula jadi melayakkan mahasiswa tahun akhir Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Hazim Aiman Zainal Abidin, 23, menjadi pemenang utama Festival Antarabangsa Inovasi Dalam Teknologi Hijau (i-Finoq) 2016 yang berakhir semalam.

Penyelidikan bertajuk *Penghasilan Produk Bernilai Tinggi Daripada Sisa Buangan: Transformasi Kulit Kerang Kepada Hydroxyapatite Untuk Teknologi Regenerasi Tulang* itu dipilih menerima pingat emas daripada lebih 200 hasil penyelidikan yang dipertandingkan pada karnival dua hari itu yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP, Gambang.

Kejayaan itu membolehkan Muhammad Hazim Aiman, penuntut Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia membawa pulang piala dan wang tunai RM2,000.

Muhammad Hazim berkata, menerusi penyelidikan itu, hydroxyapatite yang dihasilkan menyamai tulang dan mempercepatkan kadar pertumbuhan tulang.

“Penyelia saya, Dr. Jun Ha-



MUHAMMAD HAZIM AIMAN ZAINAL ABIDIN (kanan) memberi penerangan kepada Mohd. Soffi Abdul Razak (tengah) di Kompleks Sukan UMP, Gambang, Kuantan, Pahang, semalam.

slinda Shariffuddin yang mencadangkan penggunaan kulit kerang yang mudah diperolehi.

“Saya tidak menyangka dipilih sebagai pemenang utama dan amat berpuas hati kerana telah melakukan yang terbaik,” katanya selepas Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abdul Razak, di sini semalam.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Da-

tuk Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengerusi i-Finoq 2016, Abdul Shukor Abd. Razak.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam teks ucapannya yang dibacakan Yuserrie berkata, pertandingan teknologi hijau tersebut menggalakkan dan memberi kesedaran kepada mahasiswa serta masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang menerusi penghasilan produk mesra alam.

“Ketika negara berdepan fe-

nomena El Nino membuatkan kita sedar kesan perubahan iklim global bukan sahaja kepada alam sekitar, tetapi juga kesejahteraan dan kehidupan.

“Usaha menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui dapat memulihara alam semula jadi dan melindungi alam sekitar,” katanya.

Tambahnya, UMP kini berusaha melaksanakan pelbagai program pendidikan dan penyelidikan lestari dalam membentuk kehidupan yang lebih sihat serta kondusif.